



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **PUSAT KHIDMAT HASIL JASIN, MELAKA DIBUKA SECARA RASMI**

Melaka, 31 Mei – Sebuah lagi mercu tanda di Daerah Jasin telah dibuka secara rasminya hari ini. Pusat Khidmat Hasil (PKH) dibawah pentadbiran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Cawangan Melaka itu beroperasi di Bandar Jasin 3 dan telah dirasmikan pembukaannya oleh YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dalam majlis yang cukup sederhana tetapi meriah.

Pembukaan PKH Jasin, Melaka ini adalah sejajar dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan Daerah Jasin yang semakin berkembang maju termasuk negeri Melaka secara keseluruhannya lantas mewujudkan keperluan sistem percukaian yang efisien untuk masyarakat setempat. Menurut YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengambil inisiatif untuk membuka sebuah Pusat Khidmat Hasil atau PKH di daerah ini bukan semata-mata atas faktor kepesatan ekonomi negeri Melaka secara keseluruhannya, tetapi yang lebih penting lagi, adalah untuk meluaskan perkhidmatan percukaian bagi memudahkan urusan masyarakat setempat.

Menurut beliau lagi, dengan tertubuhnya PKH Jasin ini, ia telah menjimatkan masa dan kos pengangkutan kepada orang awam untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan percukaian tanpa perlu ke Cawangan LHDNM. Secara langsung, ia dapat menyelesaikan isu percukaian yang dihadapi dengan lebih efisien dan cepat.

Mengulas lanjut mengenai pencapaian PKH Jasin dalam mengutip cukai langsung, beliau berpendapat PKH Jasin telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang. Walaupun Daerah Jasin ini sangat besar meliputi lebih kurang 678 kilometer persegi, merangkumi 20 mukim dan bersempadan dengan 2 buah negeri iaitu Negeri Sembilan dan Negeri Johor, PKH Jasin berjaya mencapai sasaran kutipan yang ditetapkan dengan kekangan tenaga kerja yang terhad.

Ini dibuktikan apabila pada tahun pertama penubuhannya iaitu tahun 2013, PKH Jasin telah berjaya membuat kutipan cukai langsung sebanyak **RM1,915,475.85**. Bagi tahun 2014, kutipan adalah sebanyak **RM2,126,724.60**, **satu peningkatan sebanyak 11.03 peratus**. Manakala bagi tahun 2015 pula, kutipan adalah sebanyak **RM3,340,798.70**, iaitu satu lonjakan sebanyak **57.09 peratus berbanding tahun 2014**. Kejayaan ini membuktikan manifestasi LHDNM yang sentiasa memberikan yang terbaik dalam usaha membantu kerajaan mencapai aspirasi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pembukaan PKH Jasin ini juga tidak akan tercapai tanpa sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk Pejabat Daerah dan Agensi Kerajaan di sekitar Daerah Jasin. Justeru beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembukaan dan kecemerlangan PKH Jasin, Melaka ini.

Turut hadir ialah En. Hassim Shafiai (Pengarah LHDNM bagi Negeri Sembilan dan Melaka), En. Hisham Rusli (Pengarah LHDNM Cawangan Melaka), Pegawai-pegawain LHDNM dari Ibu Pejabat dan Cawangan Melaka serta penduduk sekitar Daerah Jasin.

Lokasi, waktu dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh PKH Jasin adalah seperti berikut:

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
PUSAT KHIDMAT HASIL JASIN**

JA 9968  
TINGKAT BAWAH  
BANDAR JASIN  
77000 JASIN, MELAKA  
Telefon : 06-529 5017  
No. Fax : 06-529 5028

<b>Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Hari &amp; Waktu Operasi</b>
Duti Setem	<p><b>Isnin - Khamis</b> 8.00 pagi sehingga 1.00 petang 2.00 petang sehingga 5.00 petang</p> <p><b>Jumaat</b> 8.00 pagi sehingga 12.15 tengah hari 2.45 petang sehingga 5.00 petang</p> <p><b>Masa Terimaan Bayaran</b> <b>Isnin - Khamis</b> 8.00 pagi sehingga 1.00 petang 2.00 petang sehingga 3.30 petang</p> <p><b>Jumaat</b> 8.00 pagi sehingga 12.15 tengah hari 2.45 petang sehingga 3.30 petang</p>

<p>Khidmat Nasihat Percukaian &amp; Bantuan Rakyat 1Malaysia(BR1M)</p>	<p><b>Isnin - Khamis</b> 8.00 pagi sehingga 1.00 petang 2.00 petang sehingga 5.00 petang</p> <p><b>Jumaat</b> 8.00 pagi sehingga 12.15 tengah hari 2.45 petang sehingga 5.00 petang</p>
--	---



**Gambar 1: YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar sedang menyempurnakan gimik perasmian PKH Jasin, Melaka sambil diperhatikan oleh En Hassim Shafiai (kiri) dan En. Hisham Rusli (kanan).**



**Gambar 2: Ucapan perasmian oleh YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar.**



**Gambar 3: YBhg. Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar sedang menandatangani plak perasmian PKH Jasin, Melaka sambil diperhatikan oleh En Hassim Shafiai (kiri) dan En. Hisham Rusli (dua, kiri).**

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**HASiL** Teman Keceriaan Anda

---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat**

**Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎: 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan: 1-800-88-5436

Portal Rasmi: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 31 Mei 2016**